

Mahathir - Sabah

UMNO TIDAK AKAN CABAR PERUNTUKAN MELANTIK ENAM ADUN DI SABAH

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- UMNO tidak akan mencabar peruntukan dalam perlembagaan Sabah yang membolehkan enam anggota Dewan Undangan Negeri dilantik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Majlis Tertinggi (MT) UMNO dalam mesyuaratnya hari ini membuat keputusan untuk tidak mencabar peruntukkan itu di mahkamah.

"Kita tidak berhajat untuk mencabar peruntukan enam orang anggota (Dewan Undangan Negeri) yang dilantik (oleh Parti Bersatu Sabah) (PBS)," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di ibu pejabat parti itu, di sini.

Pengerusi UMNO Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai baru-baru ini dilaporkan sebagai berkata bahawa jika "ada peluang untuk mencabar peruntukan itu di mahkamah maka UMNO Sabah akan mencabarnya".

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, mana-mana anggota dan pemimpin UMNO yang bertangjawab mengagalkan peluang UMNO dalam pilihan raya negeri Sabah pada 18 dan 19 Feb lepas akan dihadapkan kepada Jawatankuasa Disiplin parti. -- lagi.

▼04/03/20-29MST

CNS2746

U GB 04-03 00183 BH635

AAB

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

Pada pilihan raya itu, Barisan Nasional (BN) memenangi 23 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan, manakala PBS memenangi 25 kerusi. Daripada 23 kerusi yang dimenangi BN itu, UMNO memenangi 18 kerusi.

Dr Mahathir juga berkata MT UMNO dalam mesyuaratnya hari ini menyatakan sokongan penuh terhadap tindakan kerajaan untuk memberhentikan pemberian kontrak baru kerajaan kepada firma British berikutan tuduhan-tuduhan liar dan fitnah yang dilemparkan oleh media Britain terhadap pemimpin Malaysia.

Presiden UMNO itu juga mengumumkan nama-nama Timbalan Ketua Perhubungan UMNO negeri.

Mereka ialah Azmi Khalid (Perlis), Datuk Zakaria Said (Kedah), Datuk Dr Ibrahim Saad (Pulau Pinang), Datuk Anwar Musa (Kelantan), Datuk Abu Hassan Omar (Selangor), Datuk Sulaiman Mohamed (Wilayah Persekutuan), Datuk Nasir Manap (Melaka), Datuk Khalid Yunus (Negeri Sembilan), Datuk Mohamed Rahmat (Johor), Datuk Dr Yusof Nor (Terengganu), Datuk Sabbaruddin Chik (Pahang) dan Datuk Mohamad Arshad Abdullah (Perak).

Dr Mahathir juga mengumumkan perlantikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan dan Timbalan Presiden UMNO, sebagai Pengerusi Biro Jawatankuasa Ekonomi UMNO.

Lain-lain perlantikan ialah Menteri Belia dan Sukan Haji Abdul Ghani Othman sebagai Pengerusi Biro Pendidikan, Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor (Agama), Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik (Sumber Manusia) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar (Pengguna).

Dr Mahathir berkata mesyuarat tahunan cawangan-cawangan UMNO akan berlangsung dari 1 Mei hingga 30 Jun, manakala mesyuarat perwakilan bahagian akan ditetapkan selepas urusan meminda kawasan pilihan raya selesai dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

"Tarikh perhimpunan agung UMNO tahun 1994 akan ditentukan kemudian," kata beliau.

Beliau juga berkata, satu perhimpunan khas UMNO akan diadakan Jun ini untuk meminda perlembagaan parti. -- Bernama.